



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5(27)
Tarikh : 3 Mac 2026
Bersamaan : 13 Ramadan 1447H

Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.27/2026/O: PEMBUKAAN SEKATAN OVERBAJET BAGI OS17000
UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, sekatan *overbajet* bagi OS17000 bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2026 di Sistem iGFMS akan dibuka mulai **10 Mac 2026 (Selasa) sehingga 20 Mac 2026 (Jumaat, 4.00 petang)**. Pembukaan sekatan *overbajet* adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahkan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BKK Tahun 2026 yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM) pada tarikh yang ditetapkan. Pembayaran *overbajet* bagi **OS17000** untuk BKK Tahun 2026 ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2026.

3. Justeru, bagi PTJ yang terlibat dengan pembayaran tersebut, dipohon supaya mematuhi keseragaman perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini iaitu: **Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2026**. Manakala kod akaun yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan

4. Sehubungan itu, PTJ diingatkan agar pembayaran BKK ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui Sistem di HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKK tidak dibuat pembayaran dua (2) kali kepada pegawai yang layak. Walau bagaimanapun, **pembayaran di bawah OS29000 dan OS42000 adalah tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.**

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5(27)

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"


"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.